



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

**MAKLUM BALAS ADUAN MENGENAI PENUTUPAN PREMIS MAKAN (KANTIN) DI
HOSPITAL SULTAN ISMAIL, JOHOR BAHRU**

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor mengambil maklum di atas penutupan kantin Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru selama dua (2) minggu mulai 4hb. Februari 2019.

Tindakan ini berikutan pemeriksaan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Johor Bahru yang mendapati bahawa pengusaha kantin gagal mematuhi beberapa piawaian di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Pemeriksaan ini adalah tindakan proaktif susulan aduan gambar tular yang memaparkan seekor tikus di sebuah kantin, meskipun masih tidak dapat dipastikan kesahihan lokasi kantin dan masa gambar tersebut di ambil.

Arahan penutupan kantin telah dikeluarkan bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan secara menyeluruh dijalankan dan hanya akan dibenarkan dibuka semula apabila tahap kebersihan dapat dicapai dengan sempurnanya dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

JKN Johor juga ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja kawalan serangga dan haiwan perosak (*pest control*) adalah merupakan salah satu daripada skop kerja penyelenggaraan *Planned Preventive Maintenance* (PPM) dalam program penswastan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Syarikat konsesi yang dilantik akan menjalankan kawalan tikus melalui aktiviti pemeriksaan rutin dan PPM mengikut frekuensi yang telah ditetapkan iaitu pada setiap hari dan setiap bulan dengan menggunakan pelbagai kaedah/mekanismas seperti penggunaan umpan dan perangkap serta menutup laluan tikus dan penghapusan tempat pembiakannya.

Selain itu, pihak operator kantin juga mesti menjaga kebersihan di kantin dan menjalankan aktiviti *pest control* di *point of source*. Pelaksanaan aktiviti tersebut merupakan salah satu skop kontrak dan tanggungjawab operator kantin dengan pihak hospital.

JKN Johor dan HSI Johor Bahru mengambil berat isu-isu berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan. Pihak kami akan sentiasa memantau dan memastikan pelaksanaan aktiviti pencegahan kerosakan serta kawalan makhluk perosak (*pest control*) dijalankan oleh pihak konsesi dan aktiviti pembersihan juga dilakukan oleh pengusaha kantin. Pengguna boleh menghubungi JKN Johor atau PKD yang terdekat jika terdapat sebarang aduan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan.

Sekian, terima kasih.

"Kami Sedia Membantu"

DR.SELAHUDEEN ABD AZIZ

PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR

5hb Februari 2019